



Headline: Pesara rugi RM500,000 diperdaya Macau Language: Malay  
Scam

Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 29 September 2019

Section: Nasional  
Page: 68

# Pesara rugi RM500,000 diperdaya Macau Scam

Wanita dakwa mangsa terbabit jenayah pengubahan wang haram

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
tuty@bh.com.my

**Seremban:** Seorang pesara jurutera kapal terbang kerugian lebih RM500,000 ditipu sindiket Macau Scam, gara-gara bimbang ditahan selepas didakwa terbabit jenayah pengubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Ab Ghani,

berkata lelaki berusia 64 tahun itu menerima panggilan telefon daripada seorang wanita pada 20 September lalu.

Beliau berkata, menurut pemanggil itu yang kononnya daripada Pejabat Pos di Kuantan, Pahang, mangsa ada mengespos MyKad dan kad kredit ke Kuching, Sarawak, namun warga emas terbabit menafikan perkara berkenaan.

“Panggilan kemudian disambungkan kepada seorang lelaki kononnya sarjan polis mendakwa mangsa terbabit jenayah pengubahan wang haram bersama-sama lelaki dikenali sebagai Danny Wong.

“Mangsa bagaimanapun memaklumkan tidak mengenali lelaki dinyatakan itu.

“Pada 23 September lalu, mangsa dihubungi seorang lelaki kononnya inspektor yang menga-



**Mangsa membuat empat transaksi ke dalam tiga akaun membabitkan jumlah RM551,000**

**Aibee Ab Ghani,**  
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan

rahan mangsa memasukkan wang miliknya ke dalam tiga akaun untuk sementara bagi tujuan siasatan.

“Susulan itu, mangsa membuat empat transaksi ke dalam tiga akaun membabitkan jumlah RM551,000,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Aibee berkata, pada 27 September lalu, mangsa sekali lagi dihubungi seorang lelaki kononnya inspektor, supaya mengeluarkan wang miliknya daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula.

Bagaimanapun, beliau berkata, mangsa kemudian menyedari ditipu sebelum membuat laporan di Balai Polis Nilai.

Katanya, siasatan lanjut masih dijalankan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan kerana menipu.